


TAJUK : MUNGKAR DICEGAH HIDUP BERKAT

Arahan : Jawab dengan betul pada kotak yang disediakan.

1. Maksud kemungkaran dari segi bahasa ialah perbuatan atau perkataan yang dianggap _____ oleh akal yang sihat.
A. baik
B. buruk
C. elok
D. nakal
2. Kemungkaran dari segi istilah bermaksud perbuatan atau perkataan yang _____ oleh syarak atau yang melanggar perintah Allah SWT.
A. ditegah
B. disuruh
C. digalakkan
D. diharuskan
3. Potongan hadis  bermaksud
A. maka hendaklah dia mengubahnya dengan hatinya
B. maka hendaklah dia mengubahnya dengan lidahnya
C. maka hendaklah dia mengubahnya dengan kuasanya
D. maka hendaklah dia mengubahnya dengan tangannya
4. Mengubah dengan _____ adalah selemah-lemah iman.
A. tangan
B. lidah
C. hati
5. Berikut adalah contoh perbuatan mungkar kecuali
A. mencuri
B. mengumpat
C. menolong orang
D. meninggalkan solat
6. Hukum menangani kemungkaran ialah _____ bagi setiap muslim mengikut kemampuan masing-masing.
A. wajib
B. sunat
C. harus
D. makruh

Membenci dan menjauhi kemungkaran tersebut, berazam untuk tidak melakukannya dan berharap serta berdoa agar pelakunya diberi hidayah untuk bertaubat.

7. Pernyataan di atas merujuk kepada maksud _____
- A. mengubah dengan tangan
 - B. mengubah dengan lisan
 - C. mengubah dengan hati

Mengubah dengan kuasa yang ada pada seseorang mengikut kemampuan dan bidang kuasa seperti ketua keluarga, ketua kelas, pengawas, ketua masyarakat dan ketua negara

8. Pernyataan di atas merujuk kepada maksud _____
- A. mengubah dengan tangan
 - B. mengubah dengan lisan
 - C. mengubah dengan hati

Menegur, menasihati atau melaporkan kemungkaran sama ada secara lisan atau tulisan.

9. Pernyataan di atas merujuk kepada maksud _____
- A. mengubah dengan tangan
 - B. mengubah dengan lisan
 - C. mengubah dengan hati
10. Antara berikut yang manakah hikmah menangani kemungkaran
- I Dapat meningkatkan kualiti diri melalui nasihat dan teguran
 - II Negara aman sejahtera kerana mendapat keredaan Allah SWT.
 - III Dapat memelihara kesihatan diri
 - IV Dapat menghindari penyakit
- A. I dan II
 - B. II dan III
 - C. III dan IV
 - D. I dan IV